

# Kehilangan besar kepada Umno, bangsa

Oleh Ziauddin Sharuddin, Hafizah Iszahanid, Sazarina Shahrin dan Kasthuri Manimaran

BH 6/7/03

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Tun Sulaiman Ninam Shah, 83, yang kembali ke rahmatullah awal pagi semalam, sebagai seorang yang berjasa kepada Umno, Melayu dan negara sepanjang hayatnya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, Allahyarham seperti seorang yang menyerupai satu institusi Umno kerana jasanya sebagai Pengerusi Tetap Umno paling lama berkhidmat.

"Umno amat menghargai jasa yang dicurahkan selama berkhidmat sebagai pengerusi tetap," katanya selepas menziarahi jenazah Sulaiman di kediaman Allahyarham di sini. Dr Mahathir turut diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sulaiman meninggal dunia jam 5.15

pagi senialam akibat leukemia di Pusat Perubatan Pantai selepas tidak sedarkan diri sejak Jumaat lalu. Jenazah Sulaiman dikebumikan di kampungnya di Muar, Johor.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menyifatkan pemergian Sulaiman sebagai kehilangan besar kepada Umno

Katanya, sumbangan Allahyarham kepada parti cukup besar dan sukar dibandingkan dengan sesiapa berdasarkan perjuangan aktifnya bersama parti sejak ditubuhkan.

"Umno kehilangan seorang tokoh yang sangat disukai dan dihormati terutama kewibawaannya ketika mempengerusikan perhimpunan. Kita semua berasa sedih. Saya mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di pertandingan Golf Koridor Raya Multimedia (MSC) di Kelab Golf & Country Kuala Lumpur, di sini semalam.

Abdullah kemudiannya bergegas ke Muar untuk menghadiri upacara pengebumfian Allahyarham, petang semalam.

Di Muar, Abdullah meluangkan masa menulis mengenai Allahyarham dalam buku ucapan takziah yang disediakan di kediaman Allahyarham di Jalan Abdul Rahman.

Abdullah menulis: "Allahyarham banyak jasanya kepada negara dan rakyat, khususnya Umno dan bangsa Melayu. Allahyarham menghormati semua kaum dan mereka pula menghormati Allahyarham."

Allahyarham bukan saja memberi sumbangan besar kepada parti, tetapi kepada bangsa kerana sering memperjuangkan kepentingan golongan kurang berkemampuan, katanya.